

Latihan 1

Lengkapkan tempat kosong dengan memberikan imbuhan yang sesuai pada perkataan dalam kurungan.

Pada masa ini, tenaga nuklear [*sumbang*] (Contoh) menyumbang kepada 17 peratus [*bekal*] (1)_____ kuasa dunia. Amerika Syarikat ialah pengeluar [*besar*] (2)_____ tenaga nuklear sementara Perancis menjanakan 78 peratus tenaga elektrik daripada reaktor nuklear, bukan sahaja untuk [*guna*] (3)_____ domestik tetapi dieksport ke negara jiran. Tenaga nuklear menjanakan elektrik daripada proses [*belah*] (4)_____ nukleus dalam reaktor yang [*hasil*] (5)_____ tenaga haba. Haba menukarkan air kepada bentuk wap dan [*salur*] (6)_____ ke turbin untuk menjanakan elektrik.

Tenaga nuklear juga dikategorikan sebagai tenaga hijau kerana membebaskan jumlah gas rumah hijau yang sedikit [*panjang*] (7)_____ masa hidupnya. Selain itu, pembinaan stesen jana kuasa nuklear tidak memerlukan kawasan luas [*banding*] (8)_____ kuasa solar atau angin. Lokasi yang sesuai adalah di tempat yang mempunyai permintaan tenaga elektrik tinggi, selamat, [*hampir*] (9)_____ dengan sumber air untuk penyejukan dan bebas daripada Jalanan Risiko Gempa bumi seperti di Kedah, di Pahang dan di Terengganu. Selari Rancangan Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) 2.0 (2019-2025) untuk meningkatkan penggunaan tenaga boleh [*baharu*] (10)_____ kepada 20 peratus, tiada masalah dari segi undang-undang untuk Malaysia membangunkan loji nuklear sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Teroka potensi besar nuklear jana tenaga diperbaharui'

oleh Mohd Khoushaini Mohd Naim, *Berita Harian Online*, 20 Ogos 2020